



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim
(Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and
Climate Change)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor



10 Februari 2020
Notis Pemberitahuan LPTA
Bil. 04/ 2018 Sem. 1

**PENGELASAN SEMULA KAWASAN BAGI MESIN SINAR-X JENIS KABINET
DENGAN MODEL TERTENTU YANG TELAH MENDAPAT KELULUSAN DARIPADA
KAWASAN KAWALAN KEPADA KAWASAN SELIAAN**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai pemberian pengelasan semula kawasan kawalan kepada kawasan seliaan bagi mesin sinar-x jenis kabinet dengan model tertentu yang telah mendapat kelulusan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) tanpa perlu mengemukakan permohonan dan dokumen sokongan.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan Peraturan 17, Peraturan-peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46], pemegang lesen dikehendaki untuk mengelaskan kawasan kerja kepada kawasan bersih, kawasan seliaan dan kawasan kawalan. Pengelasan kawasan kerja hendaklah dilakukan supaya keperluan langkah perlindungan dan peruntukan keselamatan yang bersesuaian bagi setiap kawasan adalah dipenuhi. Berikutan itu, LPTA telah mengeluarkan dokumen Panduan Pengelasan Kawasan Kerja Menurut Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga

Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 (LEM/TEK/65) sebagai panduan kepada pemegang lesen.

3. Pada masa ini, LPTA telah menetapkan bahawa kawasan yang menempatkan setiap peralatan sinaran baharu yang dimiliki oleh pemegang lesen sebagai kawasan kawalan. Walau bagaimanapun, LPTA boleh mempertimbangkan untuk mengelaskan semula kawasan kerja yang menempatkan sesuatu peralatan sinaran daripada kawasan kawalan kepada kawasan seliaan sekiranya jumlah dos seseorang pekerja dan rekod pemantauan kawasan selama 12 bulan kalendar adalah tidak melebihi 3/10 daripada had dos tahunan serta memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh LPTA melalui LEM/TEK/65. Permohonan pengelasan semula kawasan kerja perlu dilakukan bagi setiap peralatan sinaran baharu walaupun model yang sama telah diluluskan oleh LPTA sebagai kawasan seliaan.

KEPUTUSAN

4. Sehubungan itu, LPTA melalui Mesyuarat Perlesenan Bil. 5/ 2018 pada 31 Mei 2018 telah memutuskan mana-mana model mesin sinar-x jenis kabinet yang telah diluluskan oleh LPTA daripada kawasan kawalan kepada kawasan seliaan, pengelasan semula kawasan kerja akan turut diberikan kepada mana-mana pemegang lesen yang menggunakan model yang sama **tanpa perlu** mengemukakan dokumen sokongan iaitu rekod dos pekerja dan rekod pemantauan kawasan selama 12 bulan kalendar.

5. Pengelasan semula kawasan ini akan dilaksanakan secara automatik melalui sistem atas talian (e-Lesen) dan hanya terpakai bagi model mesin sinar-x jenis kabinet yang telah termasuk dalam senarai model¹ yang telah mendapat kelulusan LPTA bagi pengelasan semula kawasan. Bagi mana-mana model mesin sinar-x jenis kabinet baharu yang belum termasuk dalam senarai, pemohon perlu mematuhi keperluan yang telah

¹ Senarai model mesin sinar-x yang telah diluluskan adalah sepertimana yang disenaraikan di dalam sistem e-Lesen.

ditetapkan di dalam LEM/TEK/65 termasuk mengemukakan rekod dos pekerja dan rekod pemantauan kawasan selama 12 bulan kalendar bagi model baharu yang dipohon.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

6. Arahan ini adalah berkuatkuasa **serta merta**

PENUTUP

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan LPTA menggunakan alamat seperti di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil
No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel : corporate@aelb.gov.my
Laman Web : www.aelb.gov.my